



**AKTA SYARIKAT  
(Penggagal 39)**

**ATURAN-ATURAN SYARIKAT (KOMPOSISI KESALAHAN), 2019**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 324A(1) dari Akta Syarikat, maka Menteri Kewangan dan Ekonomi, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut –

**Gelaran**

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Syarikat (Komposisi Kesalahan), 2019.

**Kesalahan boleh kompaun**

2. Kesalahan-kesalahan yang berikut boleh dikompaun oleh Pendaftar menurut bab 316A(1) –

(a) mana-mana kesalahan di bawah Akta itu yang boleh dihukum hanya dengan suatu denda atau suatu denda dan suatu penalti ingkar;

(b) mana-mana kesalahan di bawah sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawah Akta itu yang boleh dihukum hanya dengan suatu denda atau suatu denda dan suatu penalti ingkar.

Diperbuat pada hari ini      4      haribulan      Safar 1441      Tahun Hijrah 1440  
bersamaan dengan      3      haribulan      Oktober      2019.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**